

Henti perbincangan jumud jika mahu selamatkan negara

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua pihak menghentikan sebarang perbincangan bersifat jumud dan lapuk yang tidak berkesudahan jika mahu menyelamatkan negara.

Perdana Menteri berkata, perubahan harus dilakukan dan negara perlu maju dengan memberi tumpuan kepada pengetahuan, penerokaan ilmu baharu dan teknologi digital.

“Semua usaha ini perlu dilakukan melalui semangat perpaduan dan kesatuan dalam negara.

“Apa guna kita bangsa terhebat, tetapi mencerca kaum lain,

kelompok lain, kalau bicara Melayu terhebat, gagah kerana pimpinannya bersih, sikap dan budayanya disiplin serta integritinya.

“Namun, bukan hebat Melayu itu untuk memijak dan memandang enteng kepada orang lain. Jadi, tidak ada untungnya jika masing-masing rasa mahu menang dengan menanam kebecian dan mencerca orang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada program Bicara Eksekutif Malaysia Penjawat Awam Tahun 2024 di sini, semalam.

Program anjuran Akademi

Kenegaraan, Pejabat Perdana Menteri itu dihadiri lebih 1,000 kakitangan kerajaan.

Yang turut hadir, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Anwar berkata, beliau menekankan hal itu kerana masyarakat ketika ini sering berbicara hal yang tidak memenangkan, tidak menambah ilmu dan iman serta memajukan ekonomi.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga meminta semua

menteri, Ahli Parlimen, ketua jabatan dan pegawai kanan kerajaan menjaga kampung asal masing-masing dan mengambil tahu setiap permasalahan di kawasan berkenaan.

Katanya, beliau sendiri akan memulakan usaha itu di kampung asalnya di Cheruk Tok Kun, Bukit Mertajam.

“Kalau semua jaga kampung asalnya dan ambil tanggungjawab serta menganggap kampung sebagai kampung keluarga dia, saya rasa setengah daripada masalah isu sosial, kewangan dan pendidikan boleh selesai,” katanya.

Anwar juga mengarahkan se-

mula pimpinan kerajaan untuk mengikuti latihan dan kursus bagi menggilap semula semangat serta ilmu masing-masing.

Katanya, semua pimpinan termasuk dirinya perlu mengikuti latihan supaya dapat menerapkan semula semangat kewibawaan, keterampilan dan tekad.

“Jadi saudara, seperti mana madrasah Ramadan ini, saya ingin menganjurkan selain tanggungjawab jaga kampung sendiri, kita juga tanpa kecuali, saya sendiri, menteri, KSN, KPPA untuk mengikuti satu bentuk latihan, kursus peringatan bagi menggilap semangat dan ilmu mereka,” katanya.